

21/08/2004

`Orang besar' guna wang (HL)

By Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Ejen perisik Umno yang bertindak sebagai rangkaian mata dan telinga parti, mengesan beberapa calon termasuk orang besar yang terbabit dalam gejala politik wang menjelang pemilihan parti September ini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, berkata Lembaga Disiplin akan memanggil calon terbabit untuk membela diri sebelum Perhimpunan Agung Umno akhir bulan depan.

"Kita sudah terima banyak laporan, big big gun (orang besar) pun ada," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen di sini, semalam.

Beliau bagaimanapun enggan mengesahkan sama ada orang besar itu membabitkan calon jawatan Naib Presiden, tetapi berkata:

"Besarnya, tak boleh cakap tapi besarnya... dalam masalah ini kita tak kira apa jawatan sekalipun... kita tak lindung sesiapa saja... maaflah, kalau dia buat begitu maaf sajalah. Jangan terperanjat atau marah apabila mereka dipanggil Lembaga Disiplin."

Minggu lalu, Setiausaha Kerja Umno, Brig Jen (B) Datuk Paduka Husainay Hashim, mengumumkan pewujudan rangkaian mata dan telinga atau ejen perisik bagi melaporkan kepada ibu pejabat parti mengenai pembabitan sesiapa saja, terutama calon, dalam politik wang.

Identiti anggota perisik itu yang terdiri daripada kalangan perwakilan dan calon yang bertanding, tidak akan diumumkan dan hanya diketahui ahli itu sendiri dan pemimpin tertinggi parti.

Radzi berkata, beliau sudah `berbuih mulut' mengingatkan ahli Umno, terutama calon pada pemilihan kali ini, supaya tidak terbabit dengan gejala politik wang.

"Bila kena tangkap jangan kata `alamak, kenapa saya kena tangkap?' Anda buat anda kena tanggung," katanya sambil menambah bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya Datuk Seri Najib Razak turut amat dukacita kerana gejala politik wang masih berlaku dalam Umno.

Radzi yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, Umno terpaksa bertindak tegas terhadap pengamal politik wang walaupun tindakan itu mungkin dianggap terlalu keras, lebih-lebih lagi menjelang pemilihan parti.

"Anda tak perlu beri wang kalau anda fikir anda layak dan punyai kebolehan untuk menjadi apa yang anda tandingi. Anda boleh berkempen, pergi jalan-jalan minta tolong, tak ada masalah, tetapi masalahnya bagi duit ini, bukan sikit pula," katanya.

Diminta mengulas ruangan `Soal Jawab Calon MT' yang disiarkan akhbar ini, beliau berkata perkara itu dibenarkan selagi tidak melanggar etika kempen sejajar dengan keputusan MT akhir bulan lalu.

Katanya, apa yang dibimbangkan Umno ialah gejala politik wang yang saban hari diadakan kepada ibu pejabat parti dan Lembaga Disiplin Umno.

"Jangan lupa (bekas Presiden Umno) Tun Dr Mahathir Mohamad menangis kerana beliau tak berjaya mengubah pemikiran ahli Umno mengenai politik wang dan sehingga sekarang masih ada.

"Apa yang saya nak kata ialah awas kita ada mata dan telinga di mana-mana yang sekarang semakin canggih, termasuk guna telefon untuk tangkap gambar," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan perwakilan Umno supaya tidak berkumpul di sini terlalu awal sehingga menggalakkan politik wang seperti pemberian penginapan hotel dan makan oleh calon.

Sambil menyatakan perisik Umno akan berada di kalangan mereka, beliau

menegaskan Ibu Pejabat Umno akan menghalau mereka balik jika gejala itu dikesan berlaku.

"Sekali lagi saya minta orang yang jadi perwakilan jangan datang awal, lepas pilihan raya kecil (Kuala Berang) datang kumpul sini, lepas merdeka (Hari Kebangsaan) semua dah berkumpul di KL, tiga minggu berkempen, itulah yang menggalak politik wang," katanya.

Beliau juga berkata, Lembaga Disiplin Umno mungkin menemui perwakilan di seluruh negara dalam tempoh seminggu lagi bagi memberi penerangan mengenai perkara yang dibenarkan dan dilarang ketika pemilihan parti.

(END)